

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat lebih supreme dari Perlembagaan Persekutuan bila mana dua orang Ahli Parlimen mengemukakan Usul Undi Tidak Percaya terhadap Perdana Menteri namun ditolak oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat kerana terikat dengan Peraturan Mesyuarat.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa setiap Majlis Parlimen hendaklah mengawal selia tatacaranya sendiri tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Persekutuan. Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat adalah suatu tatacara atau peraturan yang diguna pakai dalam persidangan Dewan Rakyat.

Oleh yang demikian, tatacara penjalanan proses persidangan Dewan Rakyat adalah berpandukan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan wajib dipatuhi oleh semua Ahli Dewan Rakyat termasuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Justeru, penerimaan atau penolakan sesuatu usul adalah berpandukan kepada peruntukan dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.